



PPK 223

KEMAHIRAN HIDUP DALAM PENDIDIKAN KHAS

TAJUK: KES TERHADAP KANAK-KANAK BERKEPERLUAN KHAS TENTANG  
ASPEK KEMAHIRAN HIDUP

SIDANG AKADEMIK 2018/2019

SEMESTER 1

LAPORAN TUGASAN

NAMA PENSYARAH: DR. R. RAJESVARI

NAMA AHLI KUMPULAN:



Nama: NURAIN NABIHAH BINTI ADNAN  
No. Matrik: 141540  
E-mel: nurainnabihahadnan98@gmail.com



Nama: NUR ANIS SYAHIRAH BINTI ABD HAMID  
No. Matrik: 141084  
E-mel: qwertanis20@gmail.com

## PENGHARGAAN

Bismillahirrahmanirahim..

Alhamdulillah syukur ke hadrat Ilahi dengan limpah rahmat-Nya, dapat juga kami menyiapkan kerja lapangan Kemahiran Hidup dalam Pendidikan Khas pada masa yang ditetapkan.

Terlebih dahulu kami ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada pensyarah kursus Kemahiran Hidup Dalam Pendidikan Khas iaitu Dr. R.Rajesvari kerana telah banyak meluangkan masa untuk memberi tunjuk ajar serta nasihat untuk membantu kami menyiapkan kajian ini dengan sebaik- baiknya.

Selain itu, kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa kami yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan kepada kami untuk terus bersemangat menyiapkan kajian ini.

Akhir sekali, terima kasih juga diucapkan kepada ahli kumpulan saya yang berkerjasama dalam menyiapkan tugas ini dengan memberi tenaga dan masa untuk menyiapkan tugas ini.

## ISI KANDUNGAN

|                                            | MUKA SURAT |
|--------------------------------------------|------------|
| PENGHARGAAN                                | i          |
| ISI KANDUNGAN                              | ii         |
| 1.0 PENGENALAN                             | 1          |
| 2.0 LATAR BELAKANG INSTITUSI               | 2          |
| 3.0 OBJEKTIF                               | 3          |
| 4.0 LIMITASI KAJIAN                        | 4          |
| 5.0 STRATEGI DAN METHODOLOGI KAJIAN        | 5-7        |
| Kaedah temu bual                           |            |
| Kaedah pemerhatian melalui permainan       |            |
| Kaedah soal selidik                        |            |
| 5.1 PERALATAN YANG DIGUNAKAN SEMASA KAJIAN | 7          |
| 6.0 PENILAIAN                              | 8-9        |
| 6.1 Perubahan tingkahlaku                  |            |
| 6.2 Cara berkomunikasi                     |            |
| 6.3 Cara berimaginasi                      |            |
| 7.0 BIBLIOGRAFI                            | 10         |
| 8.0 LAMPIRAN                               | 11-13      |

## PENGENALAN

Setiap anak yang dianugerahkan oleh Allah merupakan anugerah yang tidak ternilai harganya. Pelbagai cabaran yang dihadapi untuk membesarkan seorang anak, namun siapa kita untuk melawan ketentuan Ilahi. Sekiranya anak yang dilahirkan tidak sempurna, ibu bapa perlulah menerima anak itu dengan hati yang terbuka tanpa ada keluhan dan rasa menyesal dalam diri. Kita perlulah mendidik anak-anak ini sama seperti anak-anak normal. Kemahiran hidup bagi kanak-kanak pendidikan khas telah digubal bagi memenuhi keupayaan kanak-kanak khas untuk melakukan kurikulum kemahiran hidup dalam pendidikan khas. Antaranya termasuklah kemahiran motor, kemahiran sosial, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Kanak-kanak pendidikan khas akan diajar dengan sebaiknya oleh guru yang terlatih supaya mereka dapat berdikari dan memberi sumbangan kepada negara. Kajian yang telah kami jalankan ini mengkaji kemahiran hidup kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran. Kemahiran hidup sangat penting dalam kehidupan manusia dan dipelajari sejak kecil. Kemahiran hidup perlulah dikuasai oleh kanak-kanak pendidikan khas supaya mereka tidak mengharapkan sepenuhnya tentang pengurusan diri mereka. Malangnya terdapat kanak-kanak yang tidak dapat mempelajari kemahiran hidup kerana sikap ibu bapa yang tidak terlalu mengambil berat. Hal ini dikatakan demikian kerana, sesetengah ibu bapa menganggap anak mereka tidak mampu melakukan tugas harian kerana kekurangan yang terdapat pada anak mereka. Kemahiran hidup ini sangat dipraktikkan kepada pelajar pendidikan khas namun sekiranya anak-anak ini sentiasa dilatih dan diajar mereka akan dapat menguasainya dengan cemerlang. Oleh itu, kanak-kanak pendidikan khas perlulah diberi perhatian dan sokongan untuk mereka, supaya kemahiran hidup dapat mereka kuasai dengan sebaiknya.

### 1.0 LATAR BELAKANG INSTITUSI

Institusi yang telah dipilih ialah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo, Georgetown Pulau Pinang. Sekolah ini terletak di Jalan Sepoy Lines. Pada

tahun 2009, Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo mempunyai 0 pelajar lelaki dan 323 pelajar perempuan yang menjadikan jumlah keseluruhan murid adalah sebanyak 323 orang pelajar dan 35 orang guru. Namun, jumlah itu telah berubah kerana sekolah SMK Padang Polo merupakan sekolah integrasi yang mewujudkan kanak-kanak khas belajar bersama-sama dengan kanak-kanak biasa di dalam satu kelas. Program ini diwujudkan suapaya kanak-kanak khas juga tidak berasa diri mereka dipinggirkan. Selain itu, kami juga ingin berterima kasih kepada guru besar SMK Padang Polo iaitu Puan Hajah Roziah binti Hj Zakaria kerana membenarkan kami menjalankan kajian kami di sekolah ini. Kami sangat menghargai kerjasama yang telah diberikan oleh pengetua SMK Padang Polo. Tidak lupa juga kepada guru-guru pendidikan khas yang banyak membantu kami dalam menjayakan kajian kes kami ini.

NAMA: ONG KAI JUN (SUBJEK A)

JANTINA: LELAKI

BANGSA: CINA

UMUR: 14 TAHUN

SEKOLAH: SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN PADANG POLO

PENYAKIT YANG DIHADAPI: MASALAH PEMBELAJARAN

NAMA IBU: JESSICA

UMUR: 39 TAHUN

## 2.0 OBJEKTIF PROGRAM YANG DIPILIH

Kemahiran pengurusan yang dipilih ialah kemahiran hidup:

### 2.1 Memerhati kemahiran hidup dalam bermain.

Kemahiran hidup yang akan diperhatikan oleh kami terhadap pelajar yang dipilih semasa kajian termasuklah tingkah laku beliau. Kami akan memerhatikan sama ada Subjek A mempunyai tingkah laku yang positif atau tingkah laku yang negatif. Daripada tingkah laku beliau, beliau menunjukkan tingkah laku yang positif apabila diajak bermain malahan dia sendiri yang mengambil permainan untuk bermain bersama-sama dengan kami. Dengan kaedah pemerhatian ini kami dapat menghasilkan kajian kes yang jelas tentang tingkah laku. Secara tidak langsung, kami dapat mempelajari sesuatu daripada Subjek A yang mempunyai masalah pembelajaran.

### 2.2 Menilai tahap kemahiran hidup melalui pengurusan diri.

Saya akan menilai kemahiran hidup yang melibatkan pengurusan diri dengan meminta Kai Jun memakai pakaian, memberus gigi, menyikat rambut dan sebagainya. Dengan berbuat demikian, kami boleh mengetahui sama ada Subjek A mampu melakukan pengurusan diri yang mudah ataupun tidak. Setelah kami menguji beliau dengan kemahiran pengurusan diri tersebut, kami mendapati bahawa beliau mampu menguruskan diri tanpa bantuan orang lain. Segala aktiviti yang kami minta beliau lakukan, beliau mampu melakukan dengan sebaiknya. Subjek A menunjukkan bahawa kemahiran hidup yang beliau ada, beliau dapat menguruskan diri seperti kanak-kanak biasa.

### 2.3 Membolehkan subjek berimajinasi.

Kami juga turut memerhatikan sama ada Subjek A dapat berimajinasi melalui aktiviti yang dijalankan seperti melukis. Dengan aktiviti ini, ia dapat menunjukkan bahawa Kai Jun dapat berimajinasi tentang gambar yang kami sebut seperti kereta, kucing, kapal terbang dan sebagainya.

### 3.0 LIMITASI KAJIAN

Kajian ini telah dilakukan selama 1 hari pada hari Isnin bertarikh 29 Oktober 2018. Tempoh kajian yang dilakukan oleh kami adalah lebih kurang 2 jam. Masa yang diambil untuk membuat kajian ini singkat kerana tidak mahu mengganggu proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) mereka. Kajian ini dimulakan dengan berjumpa pengetua sekolah untuk memaklumkan sekali lagi bahawa kami ingin melakukan kajian kes terhadap pelajar beliau. Selepas itu, kami berjumpa pula dengan Penolong Kanan Pendidikan Khas untuk mengetahui pelajar yang kami boleh kaji. Dengan adanya Penolong Kanan Pendidikan Khas, beliau dapat memudahkan kerja kami untuk menjalankan kajian. Kajian ini berlaku dengan lancar kerana kerjasama yang telah diberikan oleh Subjek A sangat baik.

Dengan kajian ini juga kami dapat memahami serba sedikit tentang masalah yang dihadapi oleh guru-guru pendidikan khas berhubung dengan perjalanan pengajaran dan pembelajaran seharian. Kami tahu tidak mudah untuk mengendalikan kanak-kanak pendidikan khas jika tidak mempunyai kesabaran yang tinggi. Kami memulakan kajian ini dengan memperkenalkan diri kami kepada pelajar tersebut dan meminta beliau memperkenalkan dirinya. Setelah berkomunikasi dengan pelajar tersebut, kami mendapati bahawa, Subjek A lebih gemar menggunakan bahasa Inggeris untuk berkomunikasi dengan orang lain.

Kami juga meminta Subjek A untuk memakai pakaian yang kami bawa untuk melihat sama ada dia mampu melakukan ataupun tidak. Setelah melihat Subjek A mampu memakai sendiri pakaian, kami berasa teruja kerana dia mampu menguruskan diri dengan sebaiknya tanpa bantuan orang lain. Kami melihat dia sangat sempurna walaupun mempunyai masalah pembelajaran namun dengan didikan yang diberikan oleh ibu bapa dan guru-guru mampu membentuk beliau menjadi insan yang cemerlang.

## 5.0 STRATEGI DAN METHODOLOGI KAJIAN

Terdapat tiga kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian kes ini iaitu kaedah temu bual, pemerhatian melalui pembelajaran dan pengajaran (P&P) dan kaedah soal selidik.

### Kaedah temu bual

Penggunaan kaedah ini untuk mengumpul maklumat kajian tinjauan. Cara pelaksanaannya ialah dengan melakukan temu bual secara lisan dan jawapan direkod oleh penyelidik secara bertulis, melalui rakaman elektronik.

Temu bual didefinisi sebagai perbualan dua hala yang bertujuan untuk mengumpul maklumat kajian. Temu bual merupakan intraksi bersemuka antara penemu bual / penyelidik dengan responden. Menurut Denzin (2001),” temu bual harus digunakan lebih daripada hanya sebagai alat pengumpulan maklumat; temu bual perlu bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan sebenar mengenai sesuatu fenomena.

Temu bual dikategori kepada tiga jenis, iaitu temu bual berstruktur, temu bual semi struktur dan temu bual tidak berstruktur (Chua Yan Piaw, 2014)

Temu bual berstruktur merupakan temu bual yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut satu senarai soalan yang perlu dijawab oleh responden. Penemu bual dikehendaki menyoal subjek kajian bersarkan senarai soalan yang telah dibina ( satu set soalan ) dan soalan-soalan yang ditanya kepada responden adalah serupa. Soalan-soalan temu bual kena selaras dengan objektif kajian. Bilangan soalan tidak perlu banyak.

Kami telah menggunakan kaedah ini sebelum dan semasa kajian ini dijalankan. Hal ini dikatakan demikian kerana, melalui kaedah ini saya dapat mengetahui apa dan bagaimana subjek A bertindak di dalam kelas, di luar kelas dan di rumah. Kami telah menemu bual seorang guru di sekolah tersebut iaitu Cik Wan Muirah Radiah binti Wan Muhammad. Menurut beliau, di sekolah ini terdapat 80 orang pelajar pendidikan khas di Sekolah Menengah Kebangsaan Padang Polo. Cik Wan Munirah Binti Wan Muhammad membantu kami menemu bual subjek A namun dia hanya memberi tindak balas yang kurang memberangsangkan. Sepanjang temu bual ini dijalankan, subjek A hanya menumpukan perhatian terhadap aktivitinya sahaja. Beliau memberitahu bahawa subjek A amat mahir dalam menuturkan bahasa Inggeris. Subjek A juga menuturkan bahasa Inggeris ketika berkomunikasi dengan guru atau rakan – rakannya. Hal ini



dikatakan demikian kerana subjek A amat mahir menuturkan bahasa Inggeris berbanding pelajar lain meskipun subjek A belajar di kelas pendidikan khas.

### Pemerhatian melalui pembelajaran dan pengajaran ( P&P )

Kaedah pemerhatian merupakan satu kaedah penyelidikan yang digunakan untuk mengukur pemboleh ubah penyelidikan. Pemerhatian juga merupakan alternatif yang ada dalam mengumpul maklumat atau pengumpulan data selain soal selidik dan temuduga. Melalui pemerhatian, penyelidik dapat mengamati sesuatu tingkah laku subjek berpandukan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti. Peranan penyelidik ialah sebagai pemerhati terhadap perubahan-perubahan tingkah laku, mendengar, serta melihat tingkah laku subjek sama ada dari jauh atau dari dekat.

Menggunakan kaedah ini, penyelidik atau pemerhati perlu memerhati sampel-sampelnya dalam tempoh masa yang tertentu. Kaedah pemerhatian ini banyak digunakan dalam bidang sains tulen yang menjalankan kajian dalam makmal sains dan bidang sains sosial. Biasanya ciri-ciri yang ingin diperhati adalah sangat halus dan terperinci dan ini menjadikan keputusan yang dibuat lebih tepat.

Kaedah pemerhatian sesuai digunakan khususnya apabila penyelidik mengkaji perkembangan tingkah laku sesuatu unit sosial, misalnya mengkaji perkembangan tingkah laku kanak-kanak, kesan kesesakan terhadap kecenderungan pemberontakan, kesan kebisingan terhadap tingkah laku agresif dan kebimbangan di kalangan individu yang menghadapi temuduga. Kaedah pemerhatian juga sering digunakan dalam penyeliaan praktikum kaunseling dan latihan mengajar di kalangan kaunselor dan guru pelatih.

Sebelum membuat pemerhatian, penyelidik perlu membuat perancangan yang baik dan teliti. Setiap pemerhatian mestilah mempunyai tujuan tertentu, dilakukan secara sistematik, mempunyai fokus, dan mestilah dicatatkan secara rapi dan betul. Catatan yang dibuat mestilah tepat, sah, dan boleh dipercayai.

Menurut Kerlinger (1973), terdapat beberapa kategori pemerhatian iaitu kategori tingkah laku, unit tingkah laku, paras tafsiran pemerhati, generalisasi dan penggunaan serta pensampelan tingkah laku. Kategori-kategori tersebut memperincikan ciri-ciri tingkah laku yang perlu diperhati dan direkodkan.

Dalam kajian ini , kami menggunakan kaedah pemerhatian ini untuk melihat tingkah laku subjek A ketika berhadapan dengan situasi yang berlainan. Hal ini menunjukkan

bahawa melalui kaedah ini, tingkah laku secara terang – terangan dapat diperhatikan dan dicatat. Ketika kajian ini dijalankan, subjek A lebih bertindak positif melalui tingkah lakunya. Contohnya, ketika kami memberikan arahan pendek dan ringkas subjek A dapat mengikuti arahan tersebut dengan baik. Ini menunjukkan bahawa walaupun subjek A ini mampu menerima dan memberi tindak balas yang ringkas dan padat. Melalui kaedah pemerhatian ini juga, kami dapat memerhati bagaimana subjek A berkomunikasi dengan rakan – rakannya yang lain. Hal ini ternyata, subjek A amat bijak dalam berkomunikasi walaupun cara komunikasinya tidak sebaik orang yang normal. Akhir sekali, subjek A amat bijak dalam membantu rakan dan gurunya. Hal ini ditunjukkan ketika gurunya memintanya untuk membawakan beg gurunya kepada guru tersebut.

### Kajian Soal Selidik

Untuk memudahkan kajian kami, kajian soal selidik telah dijalankan. Ini kerana, melalui kajian ini, masalah berkaitan subjek A dapat diketahui. Kami telah menggunakan tiga orang responden yang berkait rapat dengan subjek A. Antaranya ialah , guru kelas pendidikan khas, pembantu pengurusan murid dan penolong kanan Pendidikan Khas. Tiga responden yang digunakan ini telah menjawab soalan yang telah kami kemukakan. Selain itu, saya juga menggunakan beberapa pendekatan terhadap pelajar tersebut seperti menanyakan kepada guru dan pembantu pengurusan belajar bagaimana subjek A menguruskan diri atau dia mempunyai masalah untuk menguruskan diri seorang diri.

## **5.1 PERALATAN YANG DIGUNAKAN SEMASA KAJIAN**

Peralatan yang digunakan oleh kami untuk menjalankan kajian ini adalah dengan menggunakan sikat, berus gigi, baju berbutang, botol. Hal ini kerana, kami ingin melihat tahap kemampuan subjek A menguruskan diri sendiri.

## **6.0 PENILAIAN**

### **6.1 PERUBAHAN TINGKAH LAKU.**

Kajian dan pemerhatian kami terhadap perubahan subjek A dijalankan secara menyeluruh. Hal ini kerana, kami mahu melihat perubahan tingkah laku positif dan perubahan tingkah laku negatif. Antara tingkah laku positif yang dapat dilihat semasa pemerhatian ini dijalankan seperti memberi salam, mengucapkan terima kasih dan mengikut arahan dengan baik. Tingkah laku ini menunjukkan bahawa subjek A mampu memberikan tindak balas yang baik dan ini juga menunjukkan bahawa kemampuan subjek A amat baik berbanding rakan – rakannya. Selain itu, tingkah laku yang negatif juga dapat diperhatikan. Antaranya ialah subjek A akan cepat hilang fokus dan dia lebih gemar untuk melukis sesuatu yang bukan diajar oleh gurunya. Selain itu, subjek A juga akan bising di dalam kelas apabila gurunya tidak memberikan perhatian kepadanya. Namun tingkah laku negatif ini dapat dikawal dengan baik oleh guru dan pembantu pengurusan murid jika mereka memberi perhatian yang lebih kepadanya. Tingkah laku negatif ini juga boleh berubah kepada aktif apabila dia dapat melukis sesuatu yang digemarinya. Hal ini secara langsung menunjukkan bahawa kemampuan ini dan perkembangan dapat dipertingkatkan.

### **6.2 CARA BERKOMUNIKASI**

Berdasarkan kajian yang dijalankan , saya dapati bahawa subjek A mempunyai kelebihan dan kekurangan di dalam kelas mahupun di dalam rumah. Subjek A banyak berkomunikasi atau bertutur dalam bahasa Inggeris. Subjek A memahami setiap soalan atau arahan dalam bahasa Melayu namun dia lebih gemar untuk menjawab soalan ini dengan menggunakan bahasa Inggeris. Kemampuannya untuk bertutur dalam bahasa Inggeris amat menarik perhatian kami. Dia amat fasih dalam menuturkan bahasa Inggeris. Pada mulanya, subjek A tidak menghiraukan kami namun selepas 10 minit, dia dapat menyesuaikan dirinya dengan kami. Namun dengan kemampuannya dalam menuturkan bahasa Inggeris amat memberi inspirasi terhadap kami bahawa pelajar autistik sepertinya dapat menuturkan bahasa Inggeris dengan baik.

### **6.3 CARA BERIMAGINASI**

Melalui kajian ini juga, kami dapati bahawa subjek A amat kuat berimajinasi Hal ini kerana, dia akan hilang fokus di dalam kelas namun dia akan menumpukan perhatian terhadap lukisan yang dilukis olehnya. Selain itu, kami juga meminta dia untuk melukis kereta , bunga

dan buku. Dia bijak dalam melukis lukisan itu. Kami juga meminta dia untuk menulis perkataan yang disebut dan ternyata dia bijak dan faham perkataan yang dituturkan. Hal ini jelas menunjukkan bahawa dia merupakan seorang pelajar autistik yang bijak cuma tidak mempunyai sifat seperti murid – murid normal. Hal ini menunjukkan bahawa subjek A mempunyai imaginasi yang kuat standing tahap perkembangannya.

## **7.0 BIBLIOGRAFI**

- 5.0 <https://ustazkenali.wordpress.com/2017/02/19/temu-bual/>  
<http://nashamus.blogspot.com/2008/05/kaedah-pemerhatian.html>

## 8.0 LAMPIRAN



Kelas Pendidikan Khas.




Papan kenyataan kejayaan pelajar pendidikan khas .





Kemudahan untuk pelajar pendidikan khas.



Tanaman yang diuruskan oleh pelajar pendidikan khas.



Contoh berus gigi yang digunakan.



Contoh sikat rambut yang digunakan.